

05 OCT 1996

Mahathir-Gerakan

PILIH PEMIMPIN YANG UTAMAKAN NEGARA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia akan terus stabil dan maju jika rakyat terus memilih pemimpin yang pragmatik, rasional, bersikap sederhana (moderate) dan meletakkan kepentingan negara di atas segala-galanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata pemimpin yang mudah menjadi popular dengan hanya membangkitkan perkara bersifat perkauman untuk kepentingan peribadi tidak kekal lama.

"Mereka tidak memikirkan implikasi dan kesan yang lebih luas yang mereka timbulkan seperti ancaman terhadap keharmonian kaum dan kestabilan negara," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke 25 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sini.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) dan presiden Umno, turut melahirkan penghargaan kepada bekas pemimpin-pemimpin negara, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Tan Siew dan Tan Sri V.Manikavasagam.

Katanya mereka adalah contoh yang baik diikuti oleh rakyat Malaysia yang ingin menjadi pemimpin negara kerana mereka mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang senang diterima oleh rakyat berbilang kaum.

"Sebenarnya bukan mudah untuk memenuhi semua kehendak mana-mana kaum. Tetapi pemimpin-pemimpin kerajaan dan BN terpaksa pragmatik dan rasional, kami terpaksa melihat isu-isu perkauman daripada perspektif yang lebih luas," kata Dr Mahathir.

Katanya pemimpin-pemimpin BN akan mempertimbangkan isu-isu perkauman yang tidak menjejaskan kepentingan negara dengan bersemangat tolak ansur dan cuba mengelak menimbulkan perkara-perkara yang sensitif secara terbuka.

Namun BN tidak pernah "menyorok sampah di bawah permaidani" tetapi setelah sesuatu diputuskan, semua pihak dalam BN patut mematuhinya, kata Dr Mahathir.

"Semangat kerjasama ini di kalangan parti-parti komponen BN yang menjadi teras utama kekuatan dan kejayaan BN. Kadangkala orang luar berasa hairan bagaimana parti-parti yang bergabung dalam BN yang mewakili berbagai-bagai kaum dan kepentingan boleh bekerjasama.

"Inilah keunikan sistem politik kita yang hanya kita sahaja yang dapat memahami dan menghargai," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mengingatkan parti-parti komponen BN untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat tentang usaha kerajaan termasuk projek-projek tertentu dan dasar-dasar kerajaan supaya rakyat akan memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya.

"Dengan cara ini, kita juga akan mematah sebarang cubaan oleh pihak-pihak tertentu untuk mempengaruhi rakyat supaya menentang projek dan dasar kerajaan," katanya.

Kerajaan kini memberi perhatian berat kepada industri teknologi maklumat termasuk multi-media dan telah menubuhkan Koridor Raya Multimedia untuk menarik syarikat-syarikat multi-media dan teknologi maklumat untuk mendirikan industri mereka di situ.

Malaysia tidak boleh menjadi pemerhati sahaja dan perlu melibatkan diri jika tidak mahu ditinggalkan zaman dalam era maklumat ini.

MSC, kata Perdana Menteri, ialah antara usaha kerajaan untuk menentukan Malaysia menjadi negara yang maju menjelang 2020.

Yang turut hadir pada perhimpunan itu ialah Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat, presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, presiden MIC

Datuk Seri S.Samy Vellu dan pemimpin lain parti-parti komponen BN.
Seramai 1,265 perwakilan menghadiri perhimpunan itu. -- BERNAMA
TCL MAI